

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Siaran Akhbar

## UNTUK SIARAN SEGERA

13 Mac, 2008

## HUBUNGAN MEDIA:

Dawn Haley atau Claudia Dickens  
Biro Pengukiran dan Percetakan  
202/874-2778

Jeffrey Smith atau Susan Stawick  
Lembaga Rizab Persekutuan  
202/452-2955

Pejabat Hal Ehwat Awam  
Perkhidmatan Rahsia A.S  
202/406-5708

Penny Kozakos  
Sokongan Media Program Mata Wang Baru  
202/530-4887

## Wang Kertas \$5 Baru Mula Diedarkan Hari Ini

### *Ciri Keselamatan Yang Dipertingkatkan Mudah untuk Diperiksa*

**WASHINGTON, D.C. – 13 Mac, 2008** – Wang kertas \$5 baru yang pertama telah dikeluarkan oleh Rizab Persekutuan hari ini dalam majlis transaksi peringatan di President Lincoln's Cottage di Soldiers' Home di Washington, D.C., tapak bersejarah yang digunakan oleh bekas presiden sebagai tempat mencari ketenangan musim panas dari White House. Pegawai dari Lembaga Rizab Persekutuan, Perbendaharaan A.S., Biro Pengukiran dan Percetakan dan Perkhidmatan Rahsia A.S. membawa wang kertas \$5 baru tersebut untuk diedarkan di kedai cenderamata Lincoln Cottage.

Michael Lambert, Penolong Pengarah, Bahagian Operasi Bank Rizab dan Sistem Bayaran di Lembaga Rizab Persekutuan, menggunakan wang kertas \$5 baru yang pertama untuk membeli buku yang mengandungi ucapan Presiden Lincoln. Potret Presiden Lincoln masih terus dicirikan pada reka bentuk baru wang kertas \$5 ini.

"Ciri keselamatan yang dipertingkatkan pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula membantu memastikan kita dapat mengatasi pemalsu wang dan melindungi duit anda yang diperolehi dengan susah payah," Lambert berkata. "Ia mengambil masa hanya beberapa saat untuk memeriksa wang kertas \$5 yang baru untuk memastikan ianya tulen. Jika anda mengetahui cara memeriksa ciri-ciri keselamatannya, anda akan mudah meyakini bahawa ia adalah duit yang tulen."

Hari ini, Rizab Persekutuan akan mula mengedarkan wang kertas \$5 yang direka bentuk semula ke bank-bank pelanggan, yang seterusnya akan mengedarkannya pula kepada perniagaan dan pengguna. Reka bentuk \$5 yang baru akan diedarkan pertama sekali di A.S. dan beransur-ansur disebarkan ke negara lain apabila bank antarabangsa membuat tempahan untuk duit tersebut dari Rizab Persekutuan. Anda tidak perlu menukar beli wang kertas \$5 lama anda untuk yang baru. Kedua-dua wang kertas \$5 yang baru dan wang kertas \$5 reka bentuk lama akan terus mengekalkan nilai muka penuhnya.



# Siaran Akhbar

Wang kertas \$5 baru menggabungkan ciri keselamatan terkini yang mudah digunakan oleh pengendali wang tunai dan pengguna semuanya. Pegang wang kertas pada cahaya untuk memeriksa ciri-ciri ini:

- **Tera air:** Kini terdapat dua tera air pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor “5” yang besar terletak di sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.
- **Benang Keselamatan:** Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak di sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf “USA” diikuti dengan nombor “5” dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu bercahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.

President Lincoln’s Cottage di Soldiers’ Home di Washington, D.C. ([www.lincolncottage.org](http://www.lincolncottage.org)), yang baru-baru ini dipulihkan dan kini dibuka kepada orang awam, dipilih sebagai lokasi untuk membelanjakan wang kertas \$5 baru yang pertama, disebabkan oleh kepentingan sejarahnya kepada Presiden Lincoln, yang menjadi subjek potret wang kertas tersebut. Presiden Lincoln telah menubuhkan Perkhidmatan Rahsia Amerika Syarikat pada malam yang sama beliau dibunuh dan beliau telah menjadikan perlindungan terhadap mata wang negara daripada pemalsu wang sebagai misi utama agensi tersebut.

Setiap orang atau perniagaan yang menerima wang kertas palsu mengalami kerugian kewangan sebenar, dan pada tahun 2007, \$61.4 juta duit palsu telah diedarkan di Amerika Syarikat.

“Setiap orang yang menggunakan mata wang A.S. berada di baris hadapan pertahanan terhadap pemalsu wang,” ujar Michael Merritt, Pemangku Penolong Pengarah, Perkhidmatan Rahsia A.S. “Cara yang terbaik untuk melindungi diri anda adalah dengan mempelajari ciri-ciri keselamatan. Ia adalah mudah, ia adalah cepat dan ia boleh menyelamatkan anda daripada menerima wang palsu.”

Bendahari Amerika Syarikat Anna Escobedo Cabral menggalakkan perniagaan dan individu untuk melawat [www.moneyfactory.gov/newmoney](http://www.moneyfactory.gov/newmoney) untuk membuat tempahan atau memuat turun bahan pendidikan mengenai wang kertas \$5 yang baru dan lain-lain mata wang yang baru direka bentuk semula, termasuk wang kertas \$10, \$20 dan \$50. “Setiap kali kami memperkenalkan wang kertas baru, kami menyediakan maklumat yang diperlukan oleh perniagaan dan individu untuk menguasai diri mereka – untuk mempelajari cara menggunakan ciri-ciri keselamatan dan menentusahkan bahawa wang kertas tersebut adalah tulen.”

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Siaran Akhbar

Bahan pendidikan yang percuma tersedia kepada perniagaan, institusi kewangan, persatuan perdagangan dan profesional, kumpulan warganegara dan individu agar pengendali wang tunai dan pengguna bersedia mengenali reka bentuk baru dan melindungi diri mereka daripada wang palsu. Sejak 2003, kerajaan A.S. telah mengedarkan lebih kurang 80 juta keping bahan pendidikan awam dan latihan mengenai reka bentuk semula wang kertas \$10, \$20 dan \$50 yang baru. Bahan tersedia untuk dipesan atau dimuat turun dalam berbilang bahasa di [www.moneyfactory.gov/newmoney](http://www.moneyfactory.gov/newmoney).

Pengilang dan pengguna kelengkapan pengendalian wang juga merupakan khalayak yang penting untuk menerima pendidikan mengenai reka bentuk yang baru tersebut. “Oleh kerana wang kertas \$5 digunakan dengan meluas dalam mesin layan diri dan mesin kad tambang transit, kami mula bekerja dengan para pengilang mesin tersebut dan lain-lain mesin berorientasikan wang pada tahun 2006 untuk memastikan mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat pelarasan yang perlu yang akan membolehkan mesin mereka menerima wang kertas \$5 yang baru tersebut,” berkata Pamela Gardiner, Pemangku Pengarah Biro Pengukiran dan Percetakan Perbendaharaan.

Sama seperti wang kertas \$10, \$20 dan \$50 yang direka bentuk semula yang telah mendahuluinya, wang kertas \$5 yang baru mencirikan simbol kebebasan Amerika dicetak pada latar belakangnya. Mohor Besar Amerika Syarikat, yang menonjolkan seekor burung helang dan perisai dicetak dengan warna ungu pada bahagian hadapan wang kertas tersebut. Elemen reka bentuk tambahan termasuk:

- Nombor “5” yang besar dan mudah dibaca di sudut kanan sebelah bawah permukaan belakang wang kertas, yang membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan yang rendah membezakan jenis mata wang ini, telah diperbesarkan pada reka bentuk wang kertas \$5 yang baru, dan dicetak dengan dakwat ungu berkontras tinggi.
- Jidar bujur di sekeliling potret Presiden Lincoln pada permukaan hadapan dan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang telah dikeluarkan. Kedua-dua ukiran telah dipertingkatkan.
- “05” kecil yang berwarna kuning dicetak di sebelah kiri potret pada permukaan hadapan wang kertas dan di sebelah kanan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang.

Perbezaan yang paling ketara pada wang kertas \$5 yang baru direka bentuk semula adalah tambahan warna ungu muda di bahagian tengah wang kertas tersebut, yang berpadu menjadi kelabu berhampiran dengan bahagian tepinya. Oleh kerana warna boleh diduplikasikan, pengguna dan pengendali wang tunai hendaklah menggunakan ciri keselamatan utama - tera air dan benang keselamatan - pada wang kertas \$5 yang baru - bukannya warna, untuk mengesahkan ketulenan duit kertas mereka.

Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Siaran Akhbar

*Catatan kepada Editor:* Memandangkan pertalian akrab Presiden Lincoln dengan negeri Illinois, Bank Rizab Persekutuan St. Louis dan Chicago akan memperingati hari keluaran \$5 dengan bengkel latihan guru dan acara pendidikan pemuda di Abraham Lincoln Presidential Library and Museum di Springfield, Illinois Acara ini adalah dengan kerjasama Illinois Council on Economic Education manakala tujuannya adalah untuk mendidik para guru dan murid lebih lanjut mengenai wang kertas \$5 yang baru, Presiden Lincoln dan Rizab Persekutuan. Untuk mendapat maklumat lanjut, sila hubungi Joseph Elstner, Federal Reserve Bank of St. Louis di 314-444-4892 atau David Blanchette, Lincoln Presidential Library and Museum di 217-558-0516.

###